| JAWATAN | KELAYAKAN | BIDANG / FUNGSI DAN DESKRIPSI TUGAS |
|---|---|---|
| **PEMBANTU HASIL** | • Mempunyai Kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;dan<br>• Kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br><br>**ATAU**<br><br>• Memiliki kelayakan tertinggi sehingga Diploma sahaja dan mempunyai kelayakan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan yang dibenarkan memohon jawatan ini menggunakan kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia;dan<br>• Kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br>Syarat tambahan bagi bidang Percukaian dan Operasi fungsi Keselamatan:<br><br>• Calon perlu memiliki ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:<br>i. Ketinggian – Sekurang-kurangnya 1.62m bagi lelaki dan 1.52m bagi wanita tanpa bersepatu; | **(Percukaian Dan Operasi) Fungsi Keselamatan**<br>• Mengawal selia pelaksanaan KPI Operasi Kawalan Cawangan.<br>• Mengawal selia pelaksanaan KPI Individu Polis Bantuan di bawah seliaan.<br>• Mengawal selia disiplin anggota Polis Bantuan di bawah seliaan.<br>• Memantau penugasan serta pematuhan kontrak khidmat kawalan swasta di peringkat cawangan. Pegawai juga dilantik sebagai pengawas kontrak khidmat kawalan swasta di cawangan masing-masing. |

| JAWATAN | KELAYAKAN | BIDANG / FUNGSI DAN DESKRIPSI TUGAS |
|---|---|---|
| | ii. Berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;<br>iii. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;<br>iv. Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 80sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);<br>v. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan alat bantuan; dan<br>vi. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat:<br>vii. Tidak cacat anggota tubuh badan; dan<br>viii. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar. | |